



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

Tajuk: Pengekalan Warisan Budaya Malaysia

Nilai Teras: Hormat-menghormati

Masa: 1 jam

SK: 5.2 Warisan Kerajaan Alam Melayu

SP: K5.2.7 Menghuraikan kepentingan menghargai warisan kerajaan Alam Melayu.

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyatakan kepelbagaian warisan budaya antara kaum dan etnik.
2. Menghuraikan ciri-ciri kesenian, seni bina, kraf tangan dan permainan kaum serta etnik di Malaysia.
3. Menjelaskan tiga cara mengekalkan warisan budaya di Malaysia.

Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru menunjukkan beberapa keping gambar atau replika warisan budaya kaum yang ada di Malaysia.
2. Guru akan berosal jawab dengan murid tentang warisan budaya kaum dan etnik serta ciri-cirinya.
3. Guru menerangkan serta memberikan contoh kesenian di Malaysia.

Aktiviti Literasi Sivik : 1

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. (*Alas meja*)
2. Guru menyediakan soalan, "Apakah warisan budaya kaum dan etnik yang ada di Malaysia?" dan membekalkan sehelai kertas yang diletakkan di atas meja.
3. Murid menulis jawapan pada kertas yang disediakan secara bergilir-gilir.

Aktiviti Literasi Sivik : 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. (*Lawatan ke galeri*)
2. Setiap kumpulan akan dibekalkan dengan kertas sebak dan pen penanda. Guru menyediakan sumber berkaitan yang boleh dirujuk oleh murid seperti majalah, surat khabar, risalah, Internet dan buku.
3. Setiap kumpulan perlu mengkaji satu warisan budaya sama ada kesenian, seni bina, kraf tangan dan permainan bagi setiap kaum (Melayu, Cina dan India) di Malaysia.
4. Hasil kajian akan ditampal di sekitar kelas.
5. Ahli kumpulan lain akan bergerak untuk melihat, menganalisis dan memberikan komen terhadap hasil kerja kumpulan lain.

Aktiviti Literasi Sivik : 3

1. Murid diberikan masa lima minit. (*Penulisan pantas*)
2. Murid diminta menyenaraikan cara-cara mengekalkan warisan budaya di Malaysia.

Rumusan

Guru menekankan kepada murid tentang kepelbagaian warisan budaya antara kaum dan etnik, cara mengekalkan warisan tersebut serta ciri-ciri kesenian, seni bina, kraf tangan dan permainan kaum serta etnik di Malaysia.

Refleksi: (*Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran*)